

13 OCT 2003

Khalil-Amanat

AMANAT TERAKHIR PM DALAM MESYUARAT MT UMNO 30 OKT INI

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan amanat terakhir beliau sebagai Presiden Umno dalam mesyuarat Majlis Tertinggi parti pada 30 Okt ini.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata setakat ini masih belum dipastikan apakah bentuk amanat yang akan disampaikan oleh Perdana Menteri yang akan bersara daripada semua jawatan beliau dalam Umno dan sebagai Perdana Menteri pada 31 Okt ini.

"Bagaimanapun, masih belum ditentukan apakah bentuk amanat yang akan disampaikan oleh Perdana Menteri," katanya dalam sidang media selepas menyampaikan ucap-tama di Persidangan Antarabangsa bertemakan `Ummah Islam di Persimpangan: Peranan OIC' di sini, hari ini.

Khalil yang juga Menteri Penerangan mewakili Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di persidangan yang dihadiri oleh lebih 300 delegasi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) itu.

Menurut Khalil, Perdana Menteri juga akan turut berbuka puasa bersama anggota MT selepas mesyuarat berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Khalil berkata Jawatankuasa Pengurusan Umno yang dipengerusikan Abdullah telah mengadakan perbincangan dengan semua negeri kecuali Pulau Pinang, mengenai penubuhan 190 jawatankuasa penaja bahagian Umno termasuk di 25 kawasan Parlimen baru.

Perbincangan dengan Pulau Pinang tidak dapat diadakan berikutan banjir yang melanda negeri itu baru-baru ini.

Beliau juga enggan mengulas mengenai perlantikan ahli jawatankuasa itu yang akan ditentukan sepenuhnya oleh MT.

-- BERNAMA

SHI KHY PR